

SOSIALISASI SYARIAH DALAM MASYARAKAT ISLAM: ANALISIS TERHADAP ADAT KEMATIAN MASYARAKAT MELAYU PAHANG

THE SOCIALIZATION OF SHARIAH IN SOCIETY: AN ANALYSIS OF THE DEATH CUSTOMS OF THE MALAY COMMUNITY IN PAHANG

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh^{1*}
Ariyanti Mustapha²
Muhd Imran Abd Razak³
Paiz Hassan⁴
Mohd Zahirwan Halim Bin Zainal Abidin⁵
Annuar Ramadhon Kasa⁶
Mohd Anuar Ramli⁷

^{1*} Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

² Jabatan Fiqh-Usul dan Sains Gunaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (E-mail: ariyanti@um.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-mail: imranrazak@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-mail: paiz4186@uitm.edu.my)

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-mail: zahirwan5540@uitm.edu.my)

⁶ Pelajar Pascasiswazah, Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (E-mail: annuarramadhonkasa@gmail.com)

⁷ Jabatan Fiqh-Usul dan Sains Gunaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (E-mail: mohdanuar@um.edu.my)

* corresponding author

Article history

Received date : 19-2-2026
Revised date : 20-2-2026
Accepted date : 4-3-2026
Published date : 25-3-2026

To cite this document:

Yusof @ Salleh, M. Y., Mustapha, A., Abd Razak, M. I., Hassan, P., Zainal Abidin, M. Z. H., Kasa, A. R., & Ramli, M. A. (2026). Sosialisasi syariat dalam masyarakat Islam: Analisis terhadap adat kematian masyarakat Melayu Pahang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 353 – 365

Abstrak: Artikel ini membincangkan tentang proses sosialisasi syariat Islam dalam adat resam masyarakat dengan menfokuskan terhadap adat kematian masyarakat Melayu di negeri Pahang melalui kerangka Fiqh Watan. Proses sosialisasi yang berlaku melibatkan interaksi antara syariat Islam dan adat resam tempatan. Ia menunjukkan bagaimana syariat Islam mampu beradaptasi dalam adat setempat tanpa mengabaikan tuntutan nass Syarak. Berasaskan pendekatan kualitatif, interpretatif dilakukan melalui analisis dokumen yang merangkumi artikel ilmiah, kajian lapangan serta penulisan kontemporari berkaitan adat kematian Melayu dan pengurusan jenazah. Data dianalisis secara tematik dengan memfokuskan hubungan antara prinsip fiqh, konsep al-‘urf al-sahih dan maqasid syariah

dalam konteks realiti sosial negeri Pahang. Dapatan menunjukkan bahawa sosialisasi syariat Islam dalam adat kematian telah berlaku secara berlapis melalui tiga fasa utama kematian iaitu pra-kematian, pengurusan jenazah dan pasca pengebumian serta diperkukuhkan melalui agen seperti institusi keluarga, autoriti agama, pembudayaan, struktur perundangan negeri dan legitimasi raja sebagai Ketua Agama Islam. Kajian ini merumuskan bahawa adat kematian Melayu Pahang berfungsi sebagai sistem penginstitutionan hukum yang membentuk identiti Melayu-Islam dalam kerangka fiqh watan Pahang.

Kata kunci: *adat kematian, adat resam, fiqh watan, Islamisasi, sosialisasi*

Abstract: *This article examines the process of the socialisation of Islamic law within customary practices, focusing on the death customs of the Malay community in the state of Pahang through the framework of Fiqh Watan. The process of socialisation involves an interaction between Islamic law and local customs. It demonstrates how Islamic law is capable of adapting to local traditions without neglecting the demands of the nass of the Shariah. Based on a qualitative approach, interpretation is conducted through document analysis encompassing scholarly articles, field studies, and contemporary writings related to Malay death customs and funeral management. The data are analysed thematically, with particular attention to the relationship between fiqh principles, the concept of al-'urf al-sahih, and maqasid al-shariah within the social realities of Pahang. The findings indicate that the socialisation of Islamic law in death customs has taken place in a layered manner through three principal phases of death: pre-death, funeral management, and post-burial. This process is further reinforced by agents such as the family institution, religious authorities, cultural transmission, the state legal structure, and the legitimacy of the Ruler as Head of the Islamic Religion. The study concludes that the Malay death customs of Pahang function as an institutionalised system of law that shapes Malay-Islamic identity within the framework of Pahang's Fiqh Watan.*

Keywords: *death customs, customary practices, fiqh watan, Islamisation, socialisation*

Pendahuluan

Hubungan antara syariat dan adat dalam masyarakat Muslim sentiasa menjadi medan perbahasan dalam wacana fiqh dan kajian sosio-perundangan (Firdausi, 2026). Dalam konteks masyarakat Melayu di Malaysia, interaksi tersebut memperlihatkan suatu bentuk yang mempertemukan norma syariah, adat tempatan dan struktur perundangan negeri dalam satu ruang sosial yang saling berhubungan. Adat kematian khususnya merupakan salah satu domain budaya yang paling signifikan kerana ia melibatkan dimensi akidah, ibadah dan hubungan sosial secara serentak (Jaafar et al., 2026). Dalam masyarakat Melayu di negeri Pahang, adat kematian tidak hanya difahami sebagai ritual budaya tetapi sebagai ruang penginstitutionan nilai agama yang berakar pada tradisi fiqh mazhab Syafi'i dan autoriti agama negeri (Salleh, 2017). Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu cenderung meneliti adat kematian dari dua pendekatan yang terpisah. Pertama, pendekatan etnografi dan antropologi budaya yang menekankan simbolisme, makna ritual dan fungsi sosial adat. Kedua, pendekatan normatif fiqh yang menilai kesahihan amalan berdasarkan dalil dan hukum syarak. Kedua-dua pendekatan ini memberi sumbangan penting namun masih terdapat jurang dalam memahami bagaimana norma hukum Islam sebenarnya disosialisasikan, diterapkan dan diinternalisasikan dalam struktur sosial masyarakat melalui mekanisme budaya yang berterusan (Ra'd & Yassir, 2026). Persoalan yang kurang diberi perhatian ialah: bagaimanakah hukum Islam hidup dalam adat

Melayu Pahang? Melalui mekanisme apakah norma fiqh diterima sebagai kebiasaan sosial? Dan bagaimana adat yang berkembang itu kekal berada dalam parameter patuh syariah?

Berdasarkan jurang tersebut, artikel ini mengemukakan analisis sosio-perundangan terhadap proses sosialisasi syariat Islam dalam adat kematian masyarakat Melayu Pahang dengan menggunakan kerangka Fiqh Watan sebagai alat analisis konseptual. Fiqh Watan difahami sebagai pendekatan fiqh kontekstual yang menekankan integrasi antara prinsip normatif syariah dengan realiti sosial dan budaya setempat berlandaskan konsep *al-‘urf al-sahih* dan maqasid syariah (Ramli et al., 2025). Melalui kerangka ini, adat tidak dilihat sebagai entiti yang berlawanan dengan hukum tetapi sebagai medium penginstitutionan dan penghayatan norma syariah dalam ruang watan (Azman et al., 2025). Dalam konteks Pahang, struktur institusi agama negeri, kedudukan raja sebagai Ketua Agama Islam, peranan masjid dan sistem khairat kematian membentuk ekosistem sosial yang memungkinkan hukum Islam diterjemahkan dalam bentuk amalan budaya yang konsisten dan diwarisi (Kamil et al., 2025). Proses ini memperlihatkan bahawa sosialisasi syariat tidak berlaku secara spontan, tetapi melalui mekanisme institusionalisasi, legitimasi autoriti dan penerapan nilai yang berlapis. Oleh itu, adat kematian menjadi tapak empirikal yang sesuai untuk meneliti dinamika hubungan antara norma fiqh dan realiti sosial tempatan (Ramli et al., 2025).

Sehubungan itu, artikel ini menganalisis bentuk-bentuk sosialisasi syariat Islam dalam tiga fasa utama kematian, dan mengenal pasti mekanisme institusional dan adat yang mengukuhkan penerimaan norma fiqh dalam masyarakat. Di samping itu, kajian ini turut merumuskan sumbangan Fiqh Watan sebagai kerangka epistemologi dalam memahami interaksi antara syariat dan adat dalam konteks Malaysia. Dengan pendekatan ini, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengembangan teori sosialisasi syariat Islam dalam masyarakat Muslim kontemporari serta memperkukuh wacana fiqh kontekstual yang membumi dan berteraskan maqasid syariah.

Sorotan Literatur

Sosialisasi Syariat dalam Perspektif Sosio-Perundangan

Dalam kerangka kajian sosio-perundangan, syariat tidak difahami semata-mata sebagai teks normatif tetapi sebagai sistem nilai yang hidup dalam masyarakat melalui proses sosialisasi, penginstitutionan dan penerapan nilai. Teori sosialisasi syariat menjelaskan bahawa norma hanya berfungsi secara efektif apabila ia diterima sebagai kebiasaan sosial dan menjadi sebahagian daripada struktur makna yang diterima secara kolektif (Rashed et al., 2026). Dalam konteks masyarakat beragama, proses ini melibatkan interaksi antara autoriti agama, institusi sosial dan pengalaman budaya yang berulang (Fitriani et al., 2026). Beberapa kajian berkaitan masyarakat Muslim menunjukkan bahawa syariat Islam sering beroperasi dalam bentuk *legal pluralism* iaitu kewujudan norma syariah bersama adat dan sistem perundangan moden dalam satu ruang sosial yang sama. Dalam situasi ini, penerimaan syariat tidak berlaku secara paksaan formal semata-mata tetapi melalui legitimasi moral, pembudayaan dan pengulangan ritual (Tanuri, 2025). Namun demikian, kebanyakan kajian lebih menekankan aspek konflik antara adat dan syariat atau perdebatan tentang bid‘ah dan kesahihan amalan berbanding analisis terhadap mekanisme bagaimana norma syariat diinternalisasikan secara kolektif dalam masyarakat tempatan. Justeru, masih terdapat ruang untuk meneliti adat sebagai medium sosialisasi syariat, khususnya dalam konteks pengurusan jenazah yang menggabungkan unsur ibadah, simbolisme dan solidariti sosial.

Kajian Adat Kematian Melayu: Antara Etnografi dan Normativisme

Kajian berkaitan adat kematian masyarakat Melayu lazimnya berkembang dalam dua arus utama. Arus pertama berteraskan pendekatan antropologi dan etnografi yang meneliti simbol, makna ritual dan fungsi sosial amalan seperti bacaan Yasin, tahlil, talkin, kenduri arwah dan ziarah kubur (Pullong & Saili, 2022). Kajian-kajian ini menekankan bahawa adat kematian berperanan sebagai mekanisme solidariti komuniti, pengurusan emosi dan pembinaan identiti kolektif Melayu-Islam. Arus kedua pula bersifat normatif memfokuskan penilaian hukum terhadap amalan tertentu berdasarkan dalil al-Quran, al-Sunnah dan pandangan mazhab. Perbahasan sering tertumpu kepada isu seperti hukum tahlil, penetapan hari kenduri arwah, bacaan talkin dan amalan tabur bunga (Mosum & Yusoff, 2025). Walaupun penting dalam menentukan batas kesahihan syarak, pendekatan ini kadangkala memisahkan adat daripada realiti sosial yang melingkunginya, seolah-olah hukum beroperasi dalam ruang abstrak yang terpisah daripada pengalaman budaya masyarakat (Wijaya, A. A. 2025). Kedua-dua pendekatan ini menyumbang kepada pemahaman tentang adat kematian, namun masih kurang memberikan perhatian terhadap persoalan bagaimana norma syariah diterjemahkan ke dalam struktur sosial melalui proses yang berlapis dan berterusan (Salleh & Ramli, 2018; Salleh & Ramli, 2019c; Indryansa, et al., 2025). Analisis yang menghubungkan dimensi budaya dengan teori sosialisasi hukum masih terhad dalam konteks kajian Melayu di Malaysia, khususnya di negeri Pahang.

Fiqh Watan dan Fiqh Kontekstual dalam Wacana Kontemporari

Dalam wacana fiqh kontemporari muncul kecenderungan untuk menekankan pendekatan kontekstual seperti fiqh al-waqi' dan fiqh al-maqasid yang mengambil kira realiti sosial dalam penghasilan dan pelaksanaan hukum. Pendekatan ini menegaskan bahawa hukum tidak boleh dipisahkan daripada faktor tempat, masa dan adat yang sahih (*al-'urf al-sahih*), selagi tidak bercanggah dengan prinsip *qat'i syariah* (Marinsah et al., 2025). Konsep Fiqh Watan berkembang dalam kerangka ini dengan menekankan bahawa hukum Islam perlu difahami dan diamalkan dalam konteks kebangsaan dan budaya setempat. Ia bukan sekadar penyesuaian pragmatik tetapi satu pendekatan epistemologi yang melihat adat sebagai ruang manifestasi maqasid syariah. Dalam konteks Malaysia, pendekatan ini relevan kerana struktur agama negeri, kedudukan raja sebagai Ketua Agama Islam dan peranan institusi masjid membentuk ekosistem unik bagi pelaksanaan hukum (Ramli et al., 2025). Walau bagaimanapun, perbincangan tentang Fiqh Watan masih banyak tertumpu pada wacana teori dan pembinaan identiti kebangsaan (Sukri, et al., 2026; Kamil et al., 2025) dan belum banyak diaplikasikan dalam analisis empirikal terhadap adat tertentu seperti adat kematian. Justeru, terdapat keperluan untuk menguji keberkesanan kerangka ini dalam menjelaskan bagaimana norma syariah diinstitusikan dalam amalan budaya yang konkrit.

Sintesis Jurang Kajian

Berdasarkan sorotan literatur, dapat dirumuskan bahawa:

1. Kajian sosialisasi syariat dalam masyarakat Muslim masih kurang memberi tumpuan kepada adat sebagai medium penginstitutionan norma hukum.
2. Kajian adat kematian Melayu lebih bersifat deskriptif atau normatif tanpa analisis sosio-perundangan yang bersepadu.
3. Kerangka Fiqh Watan belum banyak diaplikasikan secara empirikal dalam menilai dinamika antara syariat dan adat di peringkat lokal.

Sehubungan itu, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menggabungkan asas sosialisasi syariat dan kerangka Fiqh Watan untuk menganalisis adat kematian masyarakat Melayu Pahang sebagai satu sistem penginstitutionan hukum Islam yang hidup dalam ruang budaya.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berorientasikan interpretatif bagi meneliti proses sosialisasi syariat Islam dalam adat kematian masyarakat Melayu di negeri Pahang. Pendekatan ini dipilih kerana objektif kajian tidak bertujuan untuk mengukur fenomena secara statistik, sebaliknya untuk memahami bagaimana norma syariah berfungsi sebagai amalan sosial yang hidup dalam ruang budaya dan institusi agama tempatan. Dalam kerangka ini, syariat Islam dianalisis bukan sebagai teks normatif yang terpisah daripada realiti, tetapi sebagai sistem nilai yang diinstitusikan dan diinternalisasikan melalui adat, simbol dan struktur sosial masyarakat. Reka bentuk kajian berasaskan analisis dokumen sepenuhnya. Sumber data terdiri daripada artikel jurnal akademik, laporan kajian lapangan terdahulu serta penulisan kontemporari berkaitan adat kematian Melayu, pengurusan jenazah dan interaksi antara hukum Islam dan budaya tempatan. Dokumen-dokumen ini dipilih secara purposif berdasarkan kerelevanan terhadap fokus kajian, iaitu untuk meneliti mekanisme sosialisasi hukum dalam konteks masyarakat Melayu Pahang. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menelusuri perbincangan akademik sedia ada serta mengenal pasti pola pemikiran, konsep dan dapatan yang berkaitan dengan proses penginstitutionan norma fiqh dalam ruang sosial.

Analisis data dijalankan secara tematik dan interpretatif. Proses analisis bermula dengan pembacaan berulang terhadap dokumen bagi mengenal pasti unit-unit makna yang berkaitan dengan amalan adat kematian, prinsip fiqh normatif dan peranan institusi sosial. Unit-unit ini kemudiannya diklasifikasikan kepada tema-tema utama yang mencerminkan fasa kematian, mekanisme sosialisasi serta bentuk interaksi antara al-‘urf al-sahih dan maqasid syariah. Setiap tema dianalisis secara mendalam menggunakan kerangka Fiqh Watan untuk menilai bagaimana norma syariat Islam diterjemahkan ke dalam bentuk amalan budaya tanpa menjejaskan prinsip asas syariah. Kerangka analisis kajian ini menggabungkan teori sosialisasi hukum dengan pendekatan Fiqh Watan. Teori sosialisasi syariat digunakan untuk memahami proses transmisi, legitimasi dan internalisasi norma dalam masyarakat, manakala Fiqh Watan berfungsi sebagai kerangka epistemologi yang menilai keserasian adat dengan prinsip syariah dalam konteks watan. Gabungan kedua-dua kerangka ini membolehkan adat kematian dianalisis bukan sahaja dari sudut kesahihan hukum, tetapi juga sebagai sistem sosial yang membentuk kefahaman agama dan identiti Melayu-Islam secara kontekstual.

Bagi memastikan kebolehpercayaan dapatan, kajian ini menggunakan triangulasi dokumen dengan membandingkan perbincangan daripada pelbagai sumber akademik dan dokumen rasmi agama negeri. Pendekatan ini bertujuan mengurangkan bias tafsiran serta memastikan analisis yang dibuat kekal konsisten dengan disiplin fiqh dan realiti sosial yang dibincangkan. Selain itu, analisis dilakukan secara reflektif dengan membezakan antara deskripsi adat dan penilaian normatif agar dapatan tidak bersifat prejudis atau simplistik. Walaupun kajian ini tidak melibatkan kerja lapangan seperti temu bual atau pemerhatian etnografi, pendekatan analisis dokumen dianggap memadai bagi mencapai objektif kajian yang bersifat konseptual dan analitik. Keterbatasan ini diimbangi dengan penggunaan sumber akademik yang pelbagai dan berautoriti, sekali gus membolehkan kajian ini menawarkan pemahaman yang sistematik terhadap dinamika sosialisasi syariat Islam dalam adat kematian masyarakat Melayu Pahang.

Dapatan Dan Perbincangan

Bentuk-bentuk Sosialisasi Syariat Islam dalam Tiga Fasa Utama Kematian

Proses pengislaman dalam masyarakat Islam menunjukkan proses sosialisasi berlangsung dari masa ke semasa (Borhan, 2012; Rosele et al., 2015). Ia melibatkan penerapan asas syariat Islam dan bagaimana respons masyarakat dalam penerapannya dalam masyarakat Islam (Maulana, 2025). Ia merupakan proses memperkenalkan, mengajarkan, membiasakan dan menginternalisasikan nilai-nilai serta aturan-aturan yang bersumber dari syariat ke dalam perilaku dan kesedaran individu mahupun kolektif dalam sebuah komuniti. Para ulama dari semasa ke semasa menjalankan dakwah dan pengajaran berlandaskan syariat Islam. Selaras dengan itu juga, mereka memperkenalkan fiqh dan perundangan yang berdasarkan mazhab Syafie (Muslim, et al., 2024; Yusoff, et al., 2025). Manakala dalam aqidah, masyarakat diperkenalkan dengan aliran Ashairah-Maturidiah dan dalam tasawwuf pula aliran al-Junaid-al-Ghazali. Proses sosialisasi berlaku pada peringkat primer dan sekunder. Sosialisasi primer melibatkan elemen yang asas seperti keluarga, manakala sosialisasi sekunder merangkumi pihak atau institusi seperti institusi pendidikan, masjid atau organisasi (Firdaus, 2025; Sari et al., 2025).

Dalam konteks sosialisasi syariat Islam dalam adat kematian masyarakat Melayu Pahang, ia berlaku secara berlapis melalui tiga fasa utama, iaitu pra-kematian, fasa kematian dan pasca pengebumian. Setiap fasa bukan sahaja menzahirkan tuntutan hukum, tetapi berfungsi sebagai medan transmisi dan internalisasi norma fiqh dalam bentuk yang bersifat sosial dan simbolik (Salleh & Ramli, 2019a). Dalam fasa pra-kematian (sakaratulmaut), amalan seperti mentalqinkan syahadah, membacakan al-Quran, menghadapkiblatakan pesakit dan menghimpunkan ahli keluarga memperlihatkan sosialisasi nilai tauhid dan kesedaran dalaman (Salleh & Ramli, 2019b). Walaupun sebahagian amalan ini dipersembahkan dalam bentuk budaya tempatan, struktur asasnya berpaksikan prinsip fiqh berkaitan adab menghadapi kematian. Pada tahap ini, hukum beroperasi sebagai pedagogi rohani di mana masyarakat mempelajari norma bukan melalui wacana formal, tetapi melalui penyertaan emosional dan pengalaman kolektif (Sukarniawati, 2019). Proses ini memperlihatkan bentuk sosialisasi primer yang berlaku dalam kalangan institusi keluarga.

Fasa pengurusan jenazah pula memperlihatkan tahap institusionalisasi hukum yang lebih jelas melalui pelaksanaan fardu kifayah seperti memandikan, mengkafankan, mensolatkan dan mengebumikan jenazah (Salleh & Abd Rahim, 2017). Di sini, norma fiqh bukan sahaja diketahui, tetapi dilaksanakan secara teratur dengan penglibatan autoriti agama seperti imam dan pengurus jenazah. Unsur adat tempatan seperti penggunaan bahan tertentu atau susunan majlis tidak mengubah struktur hukum asas, sebaliknya memperlihatkan adaptasi budaya yang berada dalam *parameter al-'urf al-sahih* (Marinsah, et al., 2019). Fasa ini menunjukkan bahawa sosialisasi hukum berlaku melalui pembiasaan kolektif dan legitimasi institusi agama (Salleh & Ramli, 2020b). Dalam fasa pasca pengebumian, amalan seperti talkin, tahlil, ziarah kubur dan kenduri arwah memperlihatkan dimensi solidariti sosial yang kuat. Walaupun terdapat perbincangan normatif terhadap sebahagian amalan tersebut, dapatan menunjukkan bahawa masyarakat memahaminya sebagai medium doa peringatan dan pengukuhan ukhuwah (Salleh & Ramli, 2020; Warinso & Tabrani, 2018). Pada tahap ini, hukum berfungsi sebagai sistem makna yang menghubungkan kehidupan dunia dan akhirat. Sosialisasi berlaku melalui pengulangan ritual dan pengalaman komuniti yang berulang, menjadikan norma syariat sebahagian daripada habitus sosial masyarakat (Salleh & Ramli, 2021a). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga fasa ini memperlihatkan bahawa sosialisasi syariat Islam tidak

berlaku secara linear, tetapi melalui integrasi pengalaman spiritual, pelaksanaan institusional dan pembinaan solidariti sosial yang berterusan (Salleh & Ramli, 2020b; Yakin 2015).

Mekanisme Institusional dan Budaya dalam Pengukuhan Norma Syariat

Dapatan kajian turut mengenal pasti 3 mekanisme utama yang mengukuhkan penerimaan norma syariat dalam masyarakat Melayu Pahang seperti berikut:

1. Aras Mikro: Mekanisme pertama ialah institusi keluarga sebagai tapak sosialisasi primer. Melalui penglibatan langsung dalam pengurusan kematian, anggota keluarga mempelajari adab dan hukum secara praktikal (Salleh & Ramli, 2021a). Proses ini membentuk internalisasi awal yang bersifat emosional dan berterusan.
2. Aras Meso Agama: Mekanisme kedua ialah autoriti agama dan struktur institusi masjid. Kehadiran imam, bilal dan pengurus jenazah bukan sahaja memastikan pematuhan kepada fiqh mazhab Syafi'e, tetapi juga memberi legitimasi simbolik terhadap amalan yang dilakukan (Salleh & Ramli, 2024). Legitimasi ini penting dalam konteks masyarakat yang menghormati struktur agama negeri sebagai rujukan autoritatif.
3. Aras Meso Budaya: Mekanisme ketiga ialah pembiasaan budaya melalui pengulangan ritual atau amalan. Amalan yang diulang dalam setiap peristiwa kematian membentuk norma sosial yang diterima tanpa perlu dipersoalkan secara berterusan. Dalam konteks ini, syariat Islam yang diterapkan menjadi sebahagian daripada praktikaliti budaya dan budaya menjadi wahana pemantapan syariat dalam masyarakat Islam (Salleh & Ramli, 2023).

Selain itu, struktur perundangan negeri dan kedudukan raja sebagai Ketua Agama Islam turut memainkan peranan dalam penginstitutionan norma syariat yang menjadi aras makro kepada ketiga-tiga mekanisme di atas (Nazri et al., 2024). Garis panduan rasmi pengurusan jenazah serta penyelarasan amalan melalui institusi agama negeri memperkukuh keseragaman dan kelestarian pelaksanaan syariat Islam. Ini menunjukkan bahawa sosialisasi syariat Islam tidak hanya bersifat setempat, tetapi juga disokong oleh struktur formal yang memberikan asas legitimasi kenegaraan. Gabungan mekanisme kekeluargaan, keagamaan, budaya dan perundangan ini membentuk satu ekosistem sosialisasi yang tersusun. Norma syariat diterima bukan kerana paksaan undang-undang semata-mata, tetapi kerana ia telah berakar dalam pengalaman sosial dan struktur institusi masyarakat (Salleh et al., 2025).

Sumbangan Fiqh Watan sebagai Kerangka Epistemologi

Analisis dapatan melalui kerangka Fiqh Watan memperlihatkan bahawa interaksi antara syariat dan adat dalam masyarakat Melayu Pahang tidak bersifat bertentangan, tetapi bersifat integratif dan dinamik. Fiqh Watan berfungsi sebagai jambatan epistemologi yang menjelaskan bagaimana norma transenden syariah diterjemahkan ke dalam realiti adat resam setempat tanpa kehilangan asas objektifnya. Melalui konsep *al-'urf al-sahih*, adat kematian dinilai bukan berdasarkan asal-usul budayanya semata-mata, tetapi berdasarkan keserasian dengan prinsip tauhid dan tujuan syariah. Pendekatan ini membolehkan analisis bergerak melampaui dikotomi antara adat dan agama dan sebaliknya melihat kedua-duanya sebagai ruang interaksi yang saling mempengaruhi (Ramli et al., 2025).

Sumbangan utama kerangka ini ialah kemampuannya menjelaskan bahawa syariat Islam dalam konteks Malaysia beroperasi dalam bentuk kontekstual yang mengambil kira struktur kenegaraan, identiti Melayu dan realiti sosial tempatan. Dengan kata lain, Fiqh Watan bukan sekadar pendekatan normatif, tetapi model analisis sosio-epistemologi yang menerangkan

bagaimana syariat hidup dalam masyarakat melalui proses sosialisasi yang berlapis. Melalui dapatan ini, dapat dirumuskan bahawa adat kematian masyarakat Melayu Pahang berfungsi sebagai sistem penginstitutionan dasar syariat yang membentuk identiti Melayu-Islam secara berterusan. Syariat Islam tidak terasing daripada adat resam setempat, sebaliknya menjadi asas yang menstrukturkan cara hidup masyarakat agar kekal dalam batasan Syarak (Ramli et al., 2025).

Model Fiqh Watan Dan Sosialisasi Syariat Islam

Berdasarkan analisis dapatan, kajian ini merumuskan satu model konseptual yang menjelaskan hubungan integratif antara norma syariah, kerangka Fiqh Watan dan mekanisme sosialisasi dalam adat kematian masyarakat Melayu Pahang. Model ini dibangunkan bagi menerangkan bagaimana syariat Islam tidak hanya beroperasi sebagai sistem normatif yang abstrak tetapi sebagai struktur nilai yang diinstitutionkan dan diinternalisasikan dalam ruang sosial melalui adat resam setempat. Model cadangan dapat dilihat pada Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Model Konseptual Fiqh Watan dan Sosialisasi Syariat Islam di Pahang

Lapisan pertama model ini berasaskan sumber normatif syariah yang merangkumi al-Quran, al-Sunnah, tradisi fiqh mazhab Syafi'i serta prinsip maqasid syariah. Sumber-sumber ini membentuk asas yang menentukan parameter syariat berkaitan pengurusan jenazah, adab kematian dan tanggungjawab kolektif masyarakat. Namun demikian, norma ini tidak beroperasi secara langsung dalam ruang sosial tanpa proses mediasi.

Lapisan kedua diwakili oleh Fiqh Watan sebagai kerangka epistemologi yang berfungsi sebagai mediator antara norma syariah dan realiti budaya setempat. Dalam model ini, Fiqh Watan menstrukturkan proses penyesuaian hukum melalui konsep *al-urf al-sahih* dan pertimbangan konteks sosial negeri Pahang termasuk struktur institusi agama dan kedudukan raja sebagai Ketua Agama Islam. Melalui kerangka ini, adat tidak dinilai semata-mata berdasarkan asal-usulnya tetapi berdasarkan keserasian dengan syariat Islam dan keupayaannya memelihara

prinsip tauhid serta kemaslahatan masyarakat. Fiqh Watan berperanan sebagai tapisan normatif dan mekanisme kontekstualisasi hukum.

Lapisan ketiga melibatkan mekanisme sosialisasi yang menjadi medan pelaksanaan syariat dalam masyarakat. Di peringkat ini, norma syariat diterjemahkan ke dalam bentuk amalan melalui institusi keluarga sebagai agen sosialisasi primer, autoriti agama dan masjid sebagai pemberi legitimasi normatif serta pembiasaan amalan yang membentuk budaya.

Struktur perundangan negeri dan garis panduan pengurusan jenazah turut memperkukuh institusionalisasi norma manakala solidariti komuniti melalui sistem khairat kematian mengukuhkan penerimaan kolektif terhadap tanggungjawab fardu kifayah. Keseluruhan mekanisme ini menghasilkan proses pemindahan, pengukuhan dan penerapan nilai secara berlapis. Hasil daripada interaksi ketiga-tiga lapisan ini ialah pembentukan nilai tauhid, ihsan dan amalan yang berakar dalam pengalaman sosial masyarakat. Syariat Islam dalam konteks ini tidak hanya difahami sebagai kewajipan keagamaan tetapi sebagai sistem makna yang membentuk identiti Melayu-Islam secara kontekstual (Husin, 2010). Identiti tersebut lahir daripada pengulangan amalan, penglibatan komuniti dan pengukuhan institusi agama yang menjadikan norma syariat sebahagian daripada struktur kehidupan harian.

Model ini menolak dikotomi yang sering meletakkan syariat dan adat dalam hubungan yang bersifat konflik dan kontradik. Sebaliknya, ia memperlihatkan bahawa interaksi antara kedua-duanya bersifat dinamik dan integratif dengan Fiqh Watan berfungsi sebagai penghubung epistemologi yang memastikan penyesuaian adat berlaku dalam batas syariah. Dalam konteks Malaysia yang mengamalkan struktur agama negeri dan sistem perundangan yang tersendiri, model ini memberi penjelasan teoritikal tentang bagaimana syariat Islam dapat hidup dan berkembang secara harmoni dalam ruang budaya watan. Secara konseptual, model Fiqh Watan dan sosialisasi syariat ini menyumbang kepada pengembangan teori sosialisasi syariat Islam dengan menunjukkan bahawa adat boleh berfungsi sebagai medan penginstitusian norma melalui proses pelaksanaan amalan yang bersifat lapangan. Ia mengukuhkan hujah bahawa fiqh setempat bukan sekadar pendekatan pragmatik tetapi suatu kerangka epistemologi yang mampu menjelaskan dinamika hubungan antara syariat dan adat resam dalam masyarakat Muslim kontemporari.

Implikasi kepada Dasar Negeri Pahang

Dapatan kajian ini membawa implikasi penting terhadap penggubalan dan pelaksanaan dasar agama di peringkat negeri dan kebangsaan. Pertama, hasil kajian menunjukkan bahawa pengukuhan syariat Islam dalam masyarakat tidak semestinya dicapai melalui pendekatan penyeragaman yang rigid tetapi melalui proses penginstitusian yang mengambil kira realiti sosial dan budaya setempat. Justeru, pihak berkuasa agama negeri wajar mengintegrasikan prinsip Fiqh Watan dalam penyediaan garis panduan berkaitan adat dan amalan keagamaan, khususnya dalam pengurusan jenazah agar penyesuaian adat dinilai secara tempatan dan bukannya secara literal semata-mata. Kedua, institusi agama seperti jabatan agama negeri, masjid dan unit pengurusan jenazah boleh membangunkan modul latihan berasaskan fiqh kontekstual yang menekankan kefahaman terhadap *al-'urf al-sahih* dan mekanisme sosialisasi syariat. Pendekatan ini mampu mengurangkan polarisasi wacana antara kelompok yang bersifat tekstualis literalis dan kelompok yang cenderung mempertahankan adat tanpa penilaian hukum yang sistematik. Dengan demikian, dasar pendidikan agama dapat dirangka secara lebih inklusif dan berakar pada konteks watan.

Ketiga, dalam konteks struktur kenegaraan Malaysia yang memperuntukkan kedudukan raja sebagai Ketua Agama Islam negeri, dapatan ini memperkukuh rasional bahawa institusi raja dan pentadbiran agama negeri memainkan peranan strategik dalam memastikan kestabilan dan keseragaman pelaksanaan syariat dalam masyarakat. Oleh itu, sebarang reformasi dasar agama perlu mempertimbangkan dimensi sosialisasi syariat dan struktur legitimasi yang telah sedia berfungsi dalam masyarakat agar perubahan yang dilakukan tidak memutuskan kesinambungan sosial yang telah terbina.

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa adat kematian masyarakat Melayu di negeri Pahang berfungsi sebagai sistem sosialisasi syariat Islam yang tersusun dan berlapis bukannya sekadar ritual warisan budaya. Melalui analisis terhadap tiga fasa utama kematian; pra-kematian, pengurusan jenazah dan pasca pengebumian dapat dirumuskan bahawa norma syariat tidak hanya dilaksanakan sebagai kewajipan ibadah tetapi diinstitusikan dalam struktur sosial melalui mekanisme keluarga, autoriti agama, pembiasaan ritual serta sokongan institusi perundangan negeri. Proses ini membentuk internalisasi nilai tauhid, ihsan dan solidariti yang berakar dalam pengalaman kolektif masyarakat. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa penerimaan norma syariat dalam masyarakat Melayu Pahang berlaku melalui integrasi antara dimensi normatif dan budaya bukan melalui pertentangan antara keduanya. Mekanisme sosialisasi yang dikenal pasti menunjukkan bahawa hukum Islam menjadi sebahagian daripada amalan sosial iaitu struktur makna dan amalan yang diterima secara semula jadi dalam kehidupan komuniti. Dalam konteks ini, adat berfungsi sebagai medium penginstitusian norma fiqh manakala institusi agama negeri dan struktur kenegaraan memperkukuh legitimasi serta kestabilan pelaksanaannya.

Dari sudut teori, kajian ini menyumbang kepada pengembangan perbahasan sosio-perundangan Islam dengan memperlihatkan bagaimana Fiqh Watan berfungsi sebagai kerangka epistemologi yang memediasi hubungan antara syariat dan budaya. Melalui prinsip *al-'urf al-sahih*, adat kematian dinilai secara kontekstual tanpa mengorbankan asas normatif syariah. Pendekatan ini menawarkan model integratif bagi memahami dinamika hukum Islam dalam masyarakat Muslim yang berstruktur negeri seperti Malaysia. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pemerkasaan syariat Islam dalam konteks tempatan tidak semestinya memerlukan pendekatan konfrontatif terhadap adat sebaliknya memerlukan proses penyelarasan yang harmoni.

Penghargaan:

Artikel ini diterbitkan adalah sebahagian daripada hasil kajian bagi Geran Penyelidikan IIDM-MUIP Tahun 2025 (IIDM20/25) yang bertajuk Fiqh al-'Adah: Sosiolisasi Syariat Untuk Membina Kerukunan Rakyat Negeri Pahang

Rujukan

- Azman, Y., Ibrahim Majdi, M. K., Amran, M., & Rahimin Affandi, A. R. (2025). Fiqh al-Watan dan legitimasi Islam tempatan: Satu kerangka. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 13(3), 53–64.
- Borhan, A.J. (2012). *Islam di Pahang*, Kuantan: Penerbit UMP.
- Firdaus, A. (2025). Peran Sosialisasi Dalam Keluarga. *Jurnal Tana Mana*, 6(3), 500-509.
- Firdausi, M. A. (2026). Relasi Budaya Hukum Islam dan Hukum Adat di Pantura: Studi Atas Penyelesaian Sengketa di Masyarakat. *JURISY: Jurnal Ilmiah Syariah*, 6(1), 16-33.
- Fitriyani, S., Taufiqurrahman, F., Novian, S., Nurfitri, Y., & Sudjatnika, T. (2026). Representasi Penerapan Hukum Islam Dalam Kehidupan Perempuan Iran: Analisis Komik Persepolis. *Sujud: Jurnal Agama, Sosial dan Budaya*, 2(1), 807-817.
- Husin, W. N. H. W. (2010). Budi-Islam sebagai Teras Pembinaan Identiti Melayu: Satu Analisis Mengikut Perspektif Peradaban. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 2(2), 35-51.
- Indryansa, A., Syahrani, N., Munthe, R. S., Fitriyani, N., & Tanjung, A. R. (2025). Harmonisasi Antara Adat dan Islam: Studi Kasus Ritual Pemakaman Adat Karo di Desa Relokasi Siosar Simacem Kabupaten Karo, Sumatera Utara. *MUDABBIR Journal Research and Education Studies*, 5(2), 4546-4556.
- Jaafar, A., Azalan, A. S., Sukri, S. J. M., Nadzri, N., Lot, N., Muhammad, A., & Rahim, R. A. A. (2026). Epistemologi Fiqh al-Bi'ah Sebagai Komponen Fiqh al-Watan [Fiqh al-Bi'ah Epistemology as a Component of Fiqh al-Watan]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 9(1), 23-32.
- Kamil, I. M. M., Yusof, A., Muhammad, A., & Rahim, R. A. A. (2025). Perkembangan Teori Fiqh Al-Watan Di Negeri Pahang: Satu Pemerhatian Epistemologikal. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies*, 3(3), 171-186.
- Marinsah, S. A., Hajimin, M. N. H., & Ramli, M. A. (2019). Unsur Kearifan Tempatan Dalam Adat Kematian Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 29.
- Marinsah, S. A., Hasbollah Hajimin, M. N. H., Md Rasip, Z., Hamzah, A. H., & Zehan Saari, N. F. (2025). The Instrument of 'Urf in the Reform of Islamic Legal Rulings: An Analytical Study on Contemporary Fiqh. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 15(10).
- Maulana, A. (2025). Pengaruh Islam terhadap Pembentukan Identitas Budaya Masyarakat Melayu. *NIHAYAH: Journal of Islamic Studies*, 1(2), 209-225.
- Mosum, N., & Yusoff, M. Y. M. (2025). Perubahan Amalan Ngeduang dalam Adat dan Ritual Kematian Etnik Bajau. *e-BANGI*, 22(1), 562-572.
- Muslim, N., Mohamed, A. F., & Arham, A. F. (2024). From the past to the present: the enduring impact of Hukum Kanun Pahang (Pahang Laws) in Malaysian society. *Humanities and Social Sciences Communications*, 11(1), 1-6.
- Pullong, A., & Saili, J. (2022). The Death Custom Of The Bajau Community In Sabah: Assessment From An Islamic Perspective: Adat Kematian Masyarakat Bajau Di Sabah: Penilaian Dari Perspektif Islam. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 1-12.
- Ra'd, H. A., & Yassir, M. (2026). Harmonisasi Hukum Waris Islam Dan Hukum Adat: Analisis Tradisi Pembagian Damai Dalam Kerangka Maqashid Syariah. *Usrah: Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 7(1), 245-264.
- Ramli, M.A., Mustapha, A., Kasa, A. R., Abd Razak, M. I., Hassan, P., Abidin, M. Z. H.Z. & Salleh, M.Y.Y. (2025). Fiqh Watan dan identiti keislaman masyarakat Melayu Pahang:

- Suatu kajian berasaskan kearifan tempatan. *Islamic Journal Of Cultural Studies (IJCS)*, 1(1), 1-16
- Rosele, M. I., Rahim, R. A. A., & Ramli, M. A. (2015). Islamisasi awal di Pahang: satu tinjauan teori. *Jurnal Kemanusiaan*, 13(1), 1-14.
- Salleh, M. Y. Y. (2017). Beberapa aspek kearifan tempatan terhadap bahan alami yang digunakan dalam pengurusan jenazah rantau Alam Melayu. *Ideology*, 2(1), 19–25.
- Salleh, M. Y. Y., & Abd Rahim, R. A. (2017). Funeral management in the Malay world: Local knowledge and practices. *Journal of Applied Environmental and Biological Sciences*, 7(IS), 72–77.
- Salleh, M. Y. Y., & Ramli, M. A. (2018). Kearifan tempatan dalam tahlil dan tunggu kubur. Paper presented at Seminar Hukum Islam Semasa, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Salleh, M. Y. Y., & Ramli, M. A. (2019a). Kearifan tempatan dalam adat kematian Melayu Malaysia. Paper presented at Konferensi Antarabangsa Islam dan Tamadun 2019, Universiti Islam Negeri Imam Bonjol, Padang, Indonesia.
- Salleh, M. Y. Y., & Ramli, M. A. (2019b). Kearifan tempatan dalam pembinaan liang lahad Alam Melayu. Paper presented at Konferensi Antarabangsa Islam dan Tamadun 2019, Universiti Islam Negeri Imam Bonjol, Padang, Indonesia.
- Salleh, M. Y. Y., & Ramli, M. A. (2019c). Local wisdom in agony of death among Malay-Muslim society in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(9), 426–436.
- Salleh, M. Y. Y. & Ramli, M. A. (2020a). Pentakrifan kearifan tempatan: Suatu sorotan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 175–190.
- Salleh, M. Y. Y., & Ramli, M. A. (2020b). Kearifan tempatan dalam adat kematian masyarakat Melayu dari perspektif uruf. *JFATWA: Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 21(1), 21–37.
- Salleh, M. Y. Y., & Ramli, M. A. (2021a). Kearifan tempatan dalam adat kematian masyarakat Melayu dari perspektif hukum Islam. *Rampak Serantau*, 27(1), 17–32.
- Salleh, M. Y. Y., & Ramli, M. A. (2021b). Local wisdom of tahlil and tunggu kubur practices in death custom among the Malay in Malaysia. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 8(2), 39–48.
- Salleh, M. Y. Y., & Ramli, M. A. (2023). The perspective of the Malay-Muslim undertaker on the badi of a human corpse. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(3), 637–654.
- Salleh, M. Y. Y., Zainal Abidin, M. Z. H., Hassan, P., Abd Rahman, M. F., & Isahak, I. (2024). Kearifan tempatan dalam penggunaan air sembilan ketika proses memandikan jenazah masyarakat Melayu. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(35), 1–13.
- Salleh, M. Y. Y., Ibrahim, N. A., Ramli, M. A., Hassan, P., Zainal Abidin, M. Z. H., & Isahak, I. (2025). The use of nine types of water in cleansing the deceased: Local wisdom of the Malay community in Tronoh, Perak. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 8(12), 1416–1423.
- Sari, N. M., Maulana, M. A., Dly, I. Z., Dly, N. H., Yuspa, Y., Suryani, E., ... & Rangkuti, D. (2025). Sosialisasi Edukasi Tajhizul Mayit di Desa Hutabaringin Julu. *Kesejahteraan Bersama: Jurnal Pengabdian dan Keberlanjutan Masyarakat*, 2(4), 10-20.
- Sukarniawati, S. M. (2019). Nilai Pendidikan Islam pada Upacara Adat Kematian Masyarakat Melayu Landak. *IQRO: Journal of Islamic Education*, 2(1), 17-38.
- Sukri, N. A., Nadzri, N., Lot, N., Sukri, S. J. M., & Zulkefli, A. L. (2026). Fiqh al-Watan: Satu Pendekatan Berteraskan Tradisi Ilmu dan Kenegaraan [Fiqh al-Watan: An Approach Based

- on the Tradition of Islamic Knowledge and Statecraft]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 9(1), 45-54.
- Tanuri, T. (2025). Epistemologi Hukum Islam Perspektif Kebudayaan Dominan Di Indonesia. *Al-Mashlahah Jurnal Hukum Islam dan Pranata Sosial*, 13(01), 23-42.
- Warisno, A., & Tabrani, Z. A. (2018). The local Wisdom and purpose of tahlilan tradition. *Advanced Science Letters*, 24(10), 7082-7086.
- Wijaya, A. A. (2025). Analisis Tradisi Brobosan Keranda Jenazah Dalam Perspektif Hukum Islam. *Indonesian Journal of Islamic Jurisprudence, Economic and Legal Theory*, 3(1), 61-66.
- Yakin, H. S. M. (2015). Adat Kematian Masyarakat Borneo dan Asia: Satu Tinjauan Perbandingan dari Aspek Budaya dan Pendekatan Kajian. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 22.
- Yusoff, Z. B. M., Salleh, H. M., Fatimah, T., Muda, M. B. T., Hussin, M. N. M., Mokhtar, S. M. B. M., & Supian, B. H. B. M. (2025). Sharia and Islamic Law in the State Of Pahang: Development and Historical Experience. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*. 15(12), 255-266.